

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

2035

(PENGGANTIAN)

JILID 3

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

**RANCANGAN TEMPATAN
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH**

2035

(PENGANTIAN)

JILID 3

**PENGURUSAN DAN
PELAKSANAAN**

ISI KANDUNGAN

| | MUKA SURAT |
|---|------------|
| 1.0 PENGENALAN | 2 |
| 2.0 PENEMUAN UTAMA PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN | 2 |
| 3.0 RUMUSAN CADANGAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN RT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH 2035 (PENGANTIAN) | 3 |
| 4.0 CADANGAN PENGUKUHAN ORGANISASI MPAG | 4 |
| 5.0 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN RANCANGAN TEMPATAN | 8 |
| 6.0 RUMUSAN CADANGAN PROJEK DAN PROGRAM RT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH 2035 (PENGANTIAN) | 20 |
| 7.0 PROJEK <i>QUICK-WIN</i> DAN PROJEK PEMACU RT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH 2035 (PENGANTIAN) | 33 |
| 8.0 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROJEK DAN PROGRAM PEMBANGUNAN MELALUIKAEDAH PELAKSANAAN MELALUI <i>PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP</i> (PPP) | 34 |
| 9.0 AGENSI PELAKSANA DAN PENGLIBATAN DALAM RT | 36 |
| 10.0 ANGGARAN PENDAPATAN MPAG HASIL DARI CUKAI TAKSIRAN | 54 |

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Laporan ini mengandungi cadangan pengurusan dan pelaksanaan RT yang merangkumi senarai tindakan, projek dan program, agensi pelaksana, anggaran kos dan fasa pelaksanaan projek dan program pembangunan. Laporan ini penting bagi memudah cara pembangunan melalui perincian kaedah pelaksanaan dan kolaborasi agensi teknikal berkaitan.



1.0 Pengenalan

RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) merupakan satu rancangan pemajuan menyeluruh yang menjadi asas kepada agensi pelaksana terlibat terutama pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dalam membangunkan daerah Alor Gajah. RT ini meliputi kawasan seluas 67,317.68 hektar (tidak termasuk kawasan seluas 3,500.19 hektar di mukim Durian Tunggal yang berada di bawah pentadbiran MPHTJ). Kawasan RT turut meliputi kawasan tiga (3) batu nautika dengan keluasan 11,564.24 hektar yang berada di bawah pentadbiran Pengarah Negeri (PLANMalaysia@Melaka) sebagai PBPT selaras dengan keperluan subseksyen 5(2), Akta 172 dan ini menjadikan keseluruhan kawasan RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) adalah seluas 78,881.92 hektar.

RT ini mengandungi cadangan projek atau program bagi tujuan meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat, ekonomi, sosial dan persekitaran fizikal daerah Alor Gajah. Cadangan projek dan program yang dibuat memerlukan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang strategik bagi memastikan cadangan ini dapat direalisasikan. RT merupakan instrumen yang penting dan menjadi rujukan serta panduan pelbagai pihak agensi pelaksana di peringkat daerah, negeri dan persekutuan dalam usaha untuk membangunkan daerah Alor Gajah 2035 sebagai bandar lestari dan berdaya huni.

2.0 Penemuan Utama Pengurusan dan Pelaksanaan

i. Projek Cadangan Rancangan Tempatan Terdahulu Kurang Berdaya Laksana Selaras Peredaran Masa

Berdasarkan Laporan Penilaian Outcome RT Daerah Alor Gajah 2020, didapati hanya 36.07 peratus projek cadangan RT Daerah Alor Gajah 2020 telah dilaksanakan terutama dari Teras 3 (Penyediaan Persekitaran Kehidupan Yang Sejahtera Dan Berkualiti), manakala 20.42 peratus projek sedang dilaksanakan.

Pencapaian ini adalah agak rendah berbanding sasaran asal iaitu pelaksanaan projek cadangan RT sekurang-kurangnya 50 peratus menjelang tahun 2020. Semakan yang dibuat dengan agensi pelaksana mendapati pencapaian yang rendah ini adalah disebabkan oleh cadangan projek yang dibuat ketika itu kebanyakannya tidak berdaya laksana kerana melibatkan kos yang besar ke atas manfaat atau kepentingan berskala kecil.

Jadual 1: Tahap Pencapaian Pelaksanaan Projek dan Program RT Daerah Alor Gajah 2020

| Teras | Jumlah Cadangan | Status Pelaksanaan | | | | | Jumlah |
|---|-----------------|--------------------|---------------------|--------------------|---------------------|------------------------|------------|
| | | Telah Dilaksanakan | Sedang Dilaksanakan | Belum Dilaksanakan | Sudah Tidak Relevan | Status Tidak Diketahui | |
| 1 : Pembangunan ekonomi yang kukuh dan berdaya saing | 61 | 29 | 26 | 6 | 0 | 0 | 61 |
| 2 : Pembangunan perbandaran dan petempatan desa yang efisien dan mampan | 32 | 21 | 8 | 3 | 0 | 0 | 32 |
| 3 : Penyediaan persekitaran kehidupan yang sejahtera dan berkualiti | 66 | 42 | 19 | 5 | 0 | 0 | 66 |
| 4 : Sistem pengangkutan yang bersepadu dan efisien | 204 | 34 | 20 | 139 | 1 | 10 | 204 |
| 5 : Penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti | 14 | 10 | 4 | 0 | 0 | 0 | 14 |
| Jumlah | 377 | 136 | 77 | 153 | 1 | 10 | 377 |
| | 100.00 | 36.07 | 20.42 | 40.58 | 0.27 | 2.65 | 100.00 |

Sumber: Laporan Penilaian Outcome RT Daerah Alor Gajah 2020

ii. Kelulusan Peruntukan Bagi Pelaksanaan Projek

Laporan Penilaian Outcome RT Daerah Alor Gajah 2020 menunjukkan bahawa terdapat projek-projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan atas faktor kekangan peruntukan kewangan. Selain itu, pelaksanaan projek oleh agensi pelaksana yang berkaitan turut bergantung kepada kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

iii. Kedudukan Prestasi Kewangan Agensi Kurang Memberangsangkan

Laporan Kewangan Tahunan menunjukkan MPAG mengalami defisit perbelanjaan dari tahun 2017-2020. Ini sedikit sebanyak menjejaskan pembangunan daerah Alor Gajah dan ditambah pula dengan pandemik yang melanda negara pada masa kini akan mengurangkan lagi sumber pendapatan MPAG sekurang-kurangnya untuk tempoh dua (2) tahun ke hadapan. Situasi ini juga memerlukan MPAG untuk menjalankan langkah-langkah penjimatan di samping mengenal pasti sumber-sumber kewangan baharu bagi memperkukuh kedudukan kewangan pada masa hadapan.

iv. Kawasan Pembangunan yang Luas

Kawasan RT mempunyai banyak kawasan yang masih belum dibangunkan. Ini dapat membantu dalam meningkatkan pendapatan MPAG jika kawasan ini dibangunkan di masa hadapan.

v. Perluasan Kawasan Pentadbiran Majlis Sehingga 3 Batu Nautika ke Laut

Kerajaan Negeri Melaka pada masa kini dalam prosesewartakan kawasan pentadbiran MPAG sehingga 3 batu nautika ke laut. Dengan perluasan kawasan pentadbiran ini dijangka juga hasil pendapatan MPAG juga akan meningkat pada masa hadapan.

vi. Pembangunan Projek Berskala Besar

Cadangan KLIP dan Melaka *Energy Corridor* serta cadangan pembangunan lain yang sedang dijalankan dalam daeah Alor Gajah juga dijangka akan menyumbangkan sumber pendapatan pada MPAG.

vii. Pelaksanaan Caj Pemajuan

Pelaksanaan caj pemajuan akan dilakukan pada masa hadapan dalam kawasan pentadbiran MPAG yang akan menjadi salah satu punca pendapatan baharu kepada MPAG.

3.0 Rumusan Cadangan Pengurusan dan Pelaksanaan RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Cadangan pengurusan dan pelaksanaan RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) disediakan seperti berikut:

Cadangan Pengukuhan Organisasi MPAG

1. Mewujudkan Unit Bandar Pintar dan Mampan
2. Mewujudkan Bahagian Baharu di Jabatan Perancangan Bandar (Bahagian Pembangunan Pelancongan)
3. Cadangan perluasan kawasan pentadbiran MPAG meliputi keseluruhan mukim Kuala Linggi (sempadan baharu) dan kawasan perairan 3 batu nautika

Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan

1. Penubuhan Jawatankuasa Khas Sebagai Penyelaras dan Pemantau Pelaksanaan Rancangan Tempatan
2. PLANMalaysia@Melaka Sebagai Penyelaras
3. MPAG Sebagai Agensi Pelaksana Utama
4. Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan
5. Menggalakkan Penglibatan dan Pelaburan Pihak Swasta Dalam Pembangunan Daerah Alor Gajah
6. Mengenal Pasti Sumber Kewangan Baharu
7. Menggunakan Sepenuhnya Peruntukan Mengenai Caj Pemajuan (*Development Charge*) Sebagai Sumber Pendapatan Kepada PBT
8. Menkuatkuasakan Undang-undang dan Peruntukan Sedia Ada

Rumusan Cadangan Projek dan Program RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Projek *Quick-Win* dan Projek Pemacu

Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Projek dan Program Pembangunan Melalui *Public-private Partnership* (PPP)

Agensi Pelaksana dan Penglibatan Dalam RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Anggaran Pendapatan MPAG Hasil Dari Cukai Taksiran


4.0 Cadangan Pengukuhan Organisasi MPAG

Penyampaian perkhidmatan yang berkesan harus didokong oleh tadbir urus dan khidmat sokongan yang mantap dan berintegriti di semua peringkat. MPAG perlu memperkemaskan jentera pentadbiran sebagai persediaan penting yang membolehkan PBT menjadi lebih proaktif dalam melaksanakan cadangan projek dan porogram pembangunan berdasarkan RT ini. Berdasarkan struktur sedia ada di MPAG, terdapat potensi untuk memperkukuhkan sistem perancangan dan pelaksanaan di MPAG dengan dua (2) cadangan berikut:

4.1 Mewujudkan Unit Bandar Pintar dan Mampan

Penubuhan Unit Bandar Pintar dan Mampan berperanan di dalam memastikan perancangan dan pembangunan inisiatif bandar pintar bagi tempoh 2022 - 2035 dapat dicapai selepas dengan cadangan pelaksanaan semua projek dan program di dalam RTMPAG 2035 (Penggantian). Unit ini diletakkan di bawah Yang Dipertua (YDP) dan mempunyai keanggotaan seramai 7 orang pegawai yang mempunyai latar belakang bidang yang berbeza.

Rajah 1: Cadangan Organisasi Baharu di MPAG



Sumber: i. Majlis Perbandaran Alor Gajah, 2022
ii. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Petunjuk: ■ Cadangan Unit Baharu

Cadangan Penjawatan Unit Bandar Pintar dan Mampan MPAG

- i. Ketua Unit Pegawai Perancang Bandar – J44
- ii. Pegawai Teknologi Maklumat (ICT) – F41
- iii. Pegawai Perancang Bandar – J41
- iv. Jurutera – J41
- v. Arkitek – J41
- vi. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat – F29
- vii. Penolong Pegawai Perancang Bandar – J29

Fungsi Unit Bandar Pintar dan Mampan MPAG

- i. Penyediaan Pelan Pelaksanaan / Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Mampan Alor Gajah.
- ii. Pengurusan penerapan elemen bandar pintar di dalam perancangan.
- iii. Pemantauan projek dan program bandar pintar yang dicadangkan di dalam RTMPAG 2035 (Penggantian).
- iv. Pengurusan data raya (Big Data) bagi keseluruhan daerah Alor Gajah.
- v. Membuat perancangan dan permohonan peruntukan projek inisiatif bandar pintar.
- vi. Membuat perancangan dan permohonan projek inisiatif bandar pintar kepada UPEN dan KPKT.
- vii. Menyediakan dan membentangkan laporan kemajuan / outcome projek bertujuan untuk mengkaji tahap pelaksanaan dan keberkesanan.
- viii. Menjalankan kerjasama dan kolaborasi bersama pihak berkepentingan dalam pelaksanaan inisiatif bandar pintar.
- ix. Menjalankan tugas dari semasa ke semasa seperti menyediakan kertas-kertas kerja, menjalankan / menyertai taklimat, seminar dan bengkel serta melaksanakan kolaborasi dan kerjasama.
- x. Wakil PBT di dalam Jawatankuasa Peringkat Negeri dan Persekutuan (jika perlu) atau lain-lain yang difikirkan sesuai.

4.2 Mewujudkan Bahagian Baharu di Jabatan Perancangan Bandar (Bahagian Pembangunan Pelancongan)

Pada masa ini, Jabatan Perancangan Bandar mempunyai tiga (3) bahagian iaitu:

- i. Bahagian Rancangan Pemajuan
- ii. Bahagian Kawalan Pembangunan dan GIS
- iii. Bahagian Teknologi Hijau

Bagi menjamin kelestarian aktiviti pelancongan yang mampu menjana pendapatan kepada PBT, cadangan penubuhan satu (1) bahagian baharu di Jabatan Perancangan Bandar iaitu Bahagian Pembangunan Pelancongan disediakan di dalam RT ini.

Bahagian Pembangunan Pelancongan akan merancang, membangun, mengurus dan memantau pembangunan pelancongan daerah Alor Gajah. Cadangan ini adalah bersesuaian kerana daerah Alor Gajah mempunyai 140 produk tarikan pelancongan yang terdiri daripada 12 kategori seperti berikut:

Fungsi Bahagian Pembangunan Pelancongan

- Mempromosikan aktiviti-aktiviti pelancongan yang disusun oleh MPAG, Tourism Melaka serta penyebaran maklumat pelancongan daerah Alor Gajah melalui perkhidmatan kaunter pelancongan, laman web MPAG termasuk melalui Media Sosial seperti Facebook dan Instagram rasmi MPAG.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan program dengan kerjasama pemain industri pelancongan melalui aktiviti kebudayaan, kesenian dan pelancongan menerusi persembahan, pameran, taklimat dan demonstrasi yang diatur bagi menarik pelancong dalam dan luar negara datang ke daerah Alor Gajah dalam tempoh menginap yang lebih lama.
- Merancang dan mengendalikan aktiviti promosi di peringkat daerah.
- Menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan atau pengusaha industri pelancongan.
- Menyelaraskan pelaksanaan aktiviti promosi yang dianjurkan oleh mereka di peringkat domestik dan antarabangsa.
- Menyediakan ruang dan kemudahan infrastruktur serta bantuan teknikal untuk penggiat seni dan budaya.
- Menyediakan Kalendar Pelancongan Daerah Alor Gajah untuk acara bulanan.
- Mengumpul maklumat-maklumat pelancongan daerah.
- Menyediakan kertas cadangan bagi memudahkan permohonan peruntukan bagi projek pembangunan pelancongan.
- Menyelaras dan memantau penyelenggaraan kemudahan di kawasan tumpuan pelancong.
- Membantu dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan acara pelancongan.
- Menyelaras dan menghadiri mesyuarat yang berkaitan dengan bidang tugas.

12 KATEGORI

140 PRODUK PELANCONGAN

4 Produk Utama



Sejarah, warisan dan budaya



Makanan



Ekopelancongan



Rekreasi

4 Produk Sokongan



Agropelancongan dan produk tempatan



Agama



Sukan



Konvensyen

4 Produk Sampingan



Membeli-belah



Malaysia My Second Home (MM2H)



Pendidikan




Kesehatan dan kesejahteraan

4.3 Cadangan Perluasan Kawasan Pentadbiran MPAG

Cadangan perluasan kawasan pentadbiran PBT meliputi tiga (3) batu nautika perairan negeri Melaka di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 1/2016 pada 11 April 2016 telah bersetuju seperti perincian berikut:

- i. PBT iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin bertindak sebagai pihak berkuasa perancang tempatan bagi kawasan 3 batu nautika perairan sempadan negeri.
- ii. Unit Kerajaan Tempatan Negeri Melaka sebagai urusetia permohonan persempadanan semula kawasan pentadbiran PBT hendaklah mengangkat cadangan ini ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan Kerajaan Negeri.
- iii. PBT hendaklah mengangkat cadangan ini ke Mesyuarat Penuh untuk persetujuan.
- iv. PTG hendaklah mewartakan kawasan perairan 3 batu nautika dan tikas air surut (*low water mark*) tersebut sebagai kawasan pentadbiran negeri, daerah dan mukim.





RAJAH 2: CADANGAN PERLUASAN SEMPADAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

PETUNJUK:

Sempadan Pentadbiran

- Sempadan Pentadbiran MPAG (Semasa)
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Perluasan Sempadan Kawasan Daratan MPAG [Penambahan pada mukim Kuala Linggi]

Lain-Lain:

- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Kereta Api
- - - - Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Sungai
- Empangan/Takungan

Sempadan:


- Bandar/Pekan
- - - - Sempadan Negeri
- - - - Sempadan Daerah
- - - - Sempadan Mukim

Sumber :

1. PLANMalaysia@PP2S, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.



5.0 Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan

Pelaksanaan RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) memerlukan PLANMalaysia@Melaka dan MPAG memantau dan mengawal kemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan di dalam kawasan pentadbirannya. Jabatan Perancangan Bandar adalah organisasi yang bertanggungjawab untuk tugas tersebut dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Proses pemantauan terhadap Rancangan Pemajuan dijalankan bagi memastikan tahap pematuan pelaksanaan projek-projek pembangunan mematuhi Rancangan Pemajuan yang telah diwartakan. Ini penting untuk melihat pencapaian pelaksanaan dan sebagai usaha penambahbaikan Rancangan Pemajuan di masa hadapan. Beberapa cadangan tindakan disediakan bagi mengukuhkan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan RT adalah seperti berikut:

5.1 Penubuhan Jawatankuasa Khas Sebagai Penyelaras dan Pemantau Pelaksanaan Rancangan Tempatan


Bagi mewujudkan suatu mekanisme pemantauan dan penilaian yang efisien dan berseamless, adalah menjadi satu keperluan bagi menubuhkan Jawatankuasa Khas berperanan menyelaras dan memantau pelaksanaan cadangan dan projek pembangunan yang telah ditetapkan di dalam RT. Selain itu, jawatankuasa ini juga dapat meningkatkan koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dengan pembangunan daerah Alor Gajah menjelang tahun 2035 mengikut bidang tugas masing-masing serta memastikan pelaksanaan projek dan program pembangunan RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) dapat dipantau secara berkala.



1 JAWATANKUASA PEMANTAUAN RANCANGAN PEMAJUAN (JPRP)

JPRP perlu ditubuhkan di peringkat negeri untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, program, projek dan unjuran yang dicadangkan dalam rancangan pemajuan. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dan dipengerusikan oleh sama ada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) atau Exco atau individu lain yang berkeelayakan dan dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Cadangan Keahlian JPRP



FUNGSI JPRP


- Memantau semua rancangan pemajuan (RS, RT dan RKK).
- Mendapatkan pelaporan hasil pelaksanaan pemantauan Rancangan Pemajuan.
- Memberi maklum balas untuk penambahbaikan ke atas laporan sebelum dibentangkan ke JPN.
- Memperakukan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Tempatan (LPPORT)* untuk dibawa ke JPN.

Nota: * dijelaskan di perkara 1.5.4

2 JAWATANKUASA KERJA TINDAKAN DAERAH ALOR GAJAH (JKTD)

JKTD merupakan suatu platform yang sesuai bagi membincangkan status pelaksanaan program dan projek pembangunan yang telah dirancang dalam RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) serta pembangunan-pembangunan lain di peringkat daerah. Cadangan RT perlu dipantau secara berkala bagi memastikan tahap pelaksanaannya serta mengenal pasti isu yang mungkin timbul berhubung pelaksanaan projek. Mesyuarat JKTD Alor Gajah dicadangkan untuk dijalankan 1 kali setiap bulan bagi memantau perkara tersebut.

Cadangan Keahlian JKTD



FUNGSI JKTD

- Memantau semua rancangan pemajuan (RT dan RKK).
- Melaporkan hasil pemantauan terhadap cadangan setiap projek / program oleh semua jabatan terlibat. Pihak jabatan teknikal yang terlibat perlu mengemas kini status pelaksanaan setiap projek / program berkaitan. Ini bertujuan memudahkan urusan permohonan peruntukan dan memastikan pelaksanaan projek mengikut fasa ditetapkan.
- Mengatur, mengawal, merancang dan menyelaraskan semua aktiviti pemajuan di dalam daerah Alor Gajah.
- Setiap agensi teknikal dalam pembangunan daerah perlu memaklumkan dan berunding dalam jawatankuasa ini mengenai cadangan aktiviti pemajuan agar tidak bercanggah dengan RT.

3

MAJLIS PENUH / JAWATANKUASA KHAS RT DAN RKK

Platform Majlis Penuh atau Mesyuarat Jawatankuasa merupakan mesyuarat di peringkat PBT yang diadakan setiap bulan atau minimum 4 kali setahun / 1 kali setiap 3 bulan sebagaimana dinyatakan dalam “Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan (PPORP) 2013”. Keahlian bagi Majlis Penuh adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Keahlian Mesyuarat Majlis Penuh / Mesyuarat JK Khas RT dan RKK



PENGERUSI : Yang DiPertua MPAG



SETIAUSAHA : Pengarah Jabatan Perancangan Bandar MPAG



AHLI :

- Setiausaha MPAG
- Ahli-ahli Majlis
- Ketua-ketua jabatan MPAG
- Semua ketua jabatan teknikal daerah (yang berkaitan)

FUNGSI

- Memantau rancangan pemajuan peringkat tempatan (RT dan RKK)
- Mendapatkan laporan hasil pelaksanaan pemantauan RT dan RKK dalam kawasan MPAG
- Memberi maklum balas untuk penambahbaikan serta memperakukan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Tempatan (LPPORT)* sebelum dibentangkan ke Mesyuarat JPRP

Nota: * dijelaskan di perkara 1.5.4

5.2 PLANMalaysia@Melaka Sebagai Penyelaras

PLANMalaysia@Melaka memainkan peranan penting dalam mengetahui penyelarasan rancangan spatial negeri dan seterusnya memastikan pelaksanaan perancangan pembangunan daerah selaras dengan RT. PBN, PBT, jabatan dan agensi teknikal serta agensi pelaksana lain turut memainkan peranan di dalam memastikan pelaksanaan pembangunan berjalan dengan lancar. PLANMalaysia@Melaka juga akan bertindak untuk melaporkan status pemantauan pelaksanaan RT kepada Kerajaan Negeri sekiranya terdapat percanggahan pembangunan merujuk kepada dasar-dasar yang berkuatkuasa sejurus RT diluluskan dan seterusnya diwartakan oleh PBN.

5.3 MPAG Sebagai Agensi Pelaksana Utama

MPAG sebagai PBT bagi daerah Alor Gajah memainkan peranan penting / agensi pelaksana utama bagi projek-projek cadangan RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian). MPAG bertanggungjawab memastikan setiap pembangunan yang berlaku dalam daerah ini adalah selari dengan RT serta cadangan projek dan program pembangunan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. MPAG perlu menyelaras pelaksanaan pembangunan bersama dengan agensi pelaksana lain. Pelaksanaan projek infrastruktur, sosial dan ekonomi boleh dijalankan melalui beberapa kaedah iaitu:



Pembangunan Perniagaan

- Penglibatan dalam aktiviti ekonomi secara aktif dengan menubuhkan syarikat milik penuh/ perbadanan (dengan kelulusan Kerajaan Negeri) yang melabur atau menjalankan perniagaan bagi sektor yang mampu meningkatkan sumber kewangan MPAG.
- Syarikat MPAG/ perbadanan ini boleh menjalankan usaha sama dalam perniagaan berskala sederhana dan besar yang risiko sederhana dengan GLC (Syarikat Milik Kerajaan).
- Perniagaan boleh dalam bentuk pembangunan perniagaan, pelancongan, pertanian, peruncitan dan perkhidmatan.



Pembangunan Hartanah

Pembelian aset hartanah boleh memberi pulangan dalam bentuk pendapatan sewa dan apresiasi nilai modal dalam jangka masa panjang.



Pendekatan Melalui Penswastaan

Penyertaan sektor swasta amat penting bagi mempercepatkan pembangunan selain dapat meringankan beban kewangan MPAG dari segi pembiayaan kos projek dan risiko tanggungan kewangan.

5.4 Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan

PLANMalaysia@Melaka dengan kerjasama PLANMalaysia@Ibu Pejabat perlu menyediakan Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan (LPPORP) dalam tempoh dua tahun sekali setelah 24 bulan dari tarikh sesebuah rancangan pemajuan diwartakan. Laporan ini perlu disediakan sebagai asas kepada PBN dan PBT dalam mengendalikan dan melaksana aktiviti pemantauan dan penilaian outcome rancangan pemajuan selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/ Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome dan Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan 2013.

Terdapat dua jenis laporan PPORP di peringkat tempatan iaitu:

1

Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Tempatan (LPPORT)

2

Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Kawasan Khas (LPPORKK)

Terdapat juga laporan PPORP di peringkat negeri iaitu LPPORS yang turut disediakan untuk memantau pelaksanaan Rancangan Struktur Negeri yang telah diwartakan.

Matlamat dan objektif pemantauan dan penilaian outcome rancangan tempatan adalah:

Matlamat

Matlamat pemantauan dan penilaian outcome RT adalah untuk mengkaji tahap pelaksanaan dan keberkesanan Rancangan Tempatan yang telah diwartakan dalam mengatur corak pembangunan bagi sesuatu kawasan untuk mewujudkan satu perancangan guna tanah yang lebih mampan.

Objektif

- i. Penerima pakai RT
- ii. Pelaksanaan dasar dan langkah-langkah pelaksanaan
- iii. Penilaian spatial pembangunan fizikal
- iv. Pemantauan projek/program pembangunan dalam RT
- v. Impak pelaksanaan RT
- vi. Penyelesaian isu-isu utama perancangan

5.5 Menggalakkan Penglibatan dan Pelaburan Pihak Swasta Dalam Pembangunan Daerah Alor Gajah

Usaha membangunkan daerah Alor Gajah turut memerlukan kerjasama serta penglibatan sektor swasta selain bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan proses pembangunan berjalan dengan lancar sebagaimana dirancang.

Sebahagian besar daripada projek yang telah dirancang dalam RT ini memerlukan penglibatan serta mekanisme pelaburan daripada pihak swasta. Kerjasama antara agensi kerajaan dengan pihak swasta akan mewujudkan satu gabungan pelbagai perkhidmatan yang lebih profesional dalam mencapai pelaksanaan RT yang lebih berjaya dan efektif. Semua agensi kerajaan yang terlibat terutama MPAG perlu mengambil inisiatif dengan memberikan insentif-insentif menarik bagi menarik minat pihak swasta untuk membuat pelaburan di daerah Alor Gajah. Antara bentuk usahasama yang boleh dilaksanakan adalah:



Kerjasama Awam-Swasta (*Public-Private Partnership*)

Kerjasama awam-swasta atau *Public-Private Partnership* (PPP) merupakan satu bentuk kerjasama antara sektor awam-swasta iaitu 'stand-alone business'. Ia diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang merangkumi pembinaan pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan. **Jadual 2** memperincikan kerjasama PPP yang dipraktikkan di Malaysia. Berdasarkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), sektor utama yang diberi perhatian adalah kesihatan, pendidikan, infrastruktur dan teknologi hijau.

Melalui kerjasama ini, kos pembangunan boleh diminimumkan dan membantu pihak MPAG untuk mengukuhkan struktur kewangannya. Pelaksanaan projek usahasama akan membantu dalam meningkatkan lagi kualiti dan daya pengeluaran berdasarkan kepada kepakaran yang dimiliki oleh pihak swasta tersebut.

Antara insentif yang boleh diberikan bagi menarik minat pihak swasta dalam kerjasama ini adalah seperti mengurangkan caj pemajuan serta mempercepatkan proses kelulusan yang berkaitan dengan pembangunan seperti kebenaran merancang, pelan bangunan, tukar syarat tanah dan sebagainya. Pendekatan ini adalah selari dengan inisiatif Kerajaan Persekutuan yang telah menyediakan Dana Mudah Cara sebagai insentif ke atas pelaburan yang telah dibuat oleh sektor swasta melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan. Tertakluk kepada dasar dan keputusan kerajaan dari semasa ke semasa, secara umumnya bantuan Dana Mudah Cara ini diberi dalam bentuk geran.

MPAG perlu membentuk rangka kerja dengan pihak swasta sebelum menjalankan sebarang projek usahasama bagi memastikan kelancaran projek-projek tersebut serta mengelakkan berlakunya penyelewengan atau tindakan yang tidak jelas. Sektor swasta boleh diberi panduan dan galakan pembangunan kawasan yang telah dikenal pasti potensi pembangunannya dalam RT ini bagi memudahkan pelabur memahami dan membuat keputusan berkaitan pelaburan.



Jadual 2: Perincian Kerjasama *Public-Private Partnership* (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia

| Jenis PPP | Contoh Projek | Kaedah PPP | |
|--|---|-------------|-----------------------------------|
| | | Penswastaan | Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) |
| Bina - Kendali - Pindah [<i>Build - Operate - Transfer</i> (BOT)] | | | |
| i. Penswastaan projek yang kebiasaannya dilaksanakan oleh sektor awam seperti projek infrastruktur dan kemudahan awam. ii. Melibatkan pembinaan sesuatu kemudahan awam oleh pihak swasta dengan pembiayaan sendiri. iii. Syarikat akan mengendalikan kemudahan tersebut bagi satu tempoh konsesi tertentu dan ianya akan diserahkan balik kepada kerajaan tanpa kos di akhir tempoh konsesi berkenaan. iv. Pihak syarikat dibenarkan mengutip caj / fi daripada pengguna yang akan menggunakan perkhidmatan tersebut secara tidak langsung daripada pihak perantaraan, biasanya institusi kerajaan. | i. Lebuhraya bertol ii. Perkhidmatan rel ringan iii. Pembetulan | ✓ | |
| Bina - Pajak - Pindah [<i>Build - Lease - Transfer</i> (BLT)] | | | |
| i. Syarikat swasta membina kemudahan dengan pembiayaan sendiri. ii. Apabila siap, kemudahan berkenaan akan digunakan oleh kerajaan. iii. Sebagai balasan, syarikat akan mengenakan sewaan kepada kerajaan untuk suatu tempoh yang panjang contohnya selama 25 tahun. iv. Selepas tempoh tersebut, kemudahan berkenaan akan diserahkan kepada kerajaan. | i. Pembangunan kompleks bangunan kerajaan di Putrajaya ii. Pembinaan 10,000 unit rumah guru fasa 1 di Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Sarawak dan Sabah | | ✓ |
| Bina - Kendali - Milik [<i>Build - Operate - Own</i> (BOO)] | | | |
| i. Syarikat swasta membiayai pembinaan dan mengendalikan kemudahan tanpa menyerahkan aset tersebut kepada kerajaan. ii. Dalam tempoh konsesi, syarikat dibenar mengenakan caj kepada pengguna kemudahan atau perkhidmatan berkenaan. | i. Penjanakuasa Elektrik Persendirian (IPP) ii. Bekalan Air Dingin Putrajaya | ✓ | |
| Bina - Pajak - Selenggara - Pindah [<i>Build - Lease - Maintain - Transfer</i> (BLMT)] | | | |
| i. Syarikat swasta membina dan menyelenggara kemudahan kerajaan dengan pembiayaan sendiri sepanjang tempoh konsesi. ii. Kerajaan akan hanya membuat bayaran sekiranya perkhidmatan itu menepati tahap perkhidmatan yang telah dipersetujui (<i>pre-agreed service level</i>) atau Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicator- KPI</i>) yang telah ditetapkan. iii. Kemudahan tersebut akan menjadi milik kerajaan setelah tamat tempoh konsesi. | i. Projek pembinaan kampus UiTM di kawasan terpilih | | ✓ |
| Pertukaran tanah (<i>Land swap</i>) | | | |
| i. Syarikat swasta membina kemudahan untuk kerajaan seperti pejabat dan kuarters. ii. Sebagai balasan, kerajaan akan memindah milik tanahnya kepada syarikat. iii. Kaedah ini juga melibatkan pembangunan tanah secara usahasama yang mana tanah tidak dipindah milik kepada syarikat tetapi hartanah yang siap dibangunkan akan dijual terus kepada orang awam. iv. Pulangan kepada kerajaan adalah dalam bentuk <i>in-kind</i> dan bayaran tunai. | i. Pembangunan Semula Tapak Sekolah Bukit Bintang, Kuala Lumpur ii. Pembangunan Tanah DBKL Mukim Batu iii. Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil iv. Pembinaan Kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Bukit Gedung Pulau Pinang | ✓ | |

Jadual 2: Perincian Kerjasama *Public-Private Partnership* (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia (sambungan)

| Jenis PPP | Contoh Projek | Kaedah PPP | |
|---|---|-------------|-----------------------------------|
| | | Penswastaan | Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) |
| Kontrak Pengurusan | | | |
| i. Menggunakan kepakaran sektor swasta untuk mengurus sesuatu aktiviti atau melaksanakan perkhidmatan yang sebelum itu dijalankan sendiri oleh kerajaan secara kontrak jangka pendek. | i. Penyelenggaraan Jalan Persekutuan | ✓ | ✓ |
| ii. Melibatkan pembayaran oleh kerajaan bagi perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh konsesi dan melibatkan pemindahan kakitangan, tanggungjawab pengurusan dan aset mudah alih kepada syarikat swasta yang berkenaan. | ii. Perkhidmatan sokongan hospital bagi Hospital Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia | | |
| Peng korporatan | | | |
| i. Kaedah ini digunakan bagi menukar taraf agensi kerajaan menjadi sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dengan ekuiti syarikat dipegang sepenuhnya kerajaan melalui Menteri Kewangan diperbadankan. | i. SIRIM Berhad ii. MIMOS Berhad iii. Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) | ✓ | |
| Pajakan | | | |
| i. Melibatkan pemindahan hak menggunakan aset dan kemudahan untuk tempoh tertentu dengan bayaran sewa pajakan. | i. Pelabuhan Kuantan | ✓ | |
| ii. Biasanya digunakan bagi penswastaan entiti yang mempunyai aset bernilai tinggi dan bersifat strategik seperti pelabuhan dan lapangan terbang. | ii. Pajakan terminal kontena di Pelabuhan Klang | | |
| iii. Kaedah ini tidak melibatkan pindah milik aset kepada syarikat konsesi tetapi peraturan-peraturan boleh dibuat bagi pemajak membeli aset berkenaan di akhir tempoh pajakan. | | | |
| iv. Tempoh pajakan adalah sama dengan tempoh konsesi. | | | |

Sumber: Portal Rasmi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), 2018.

SEKTOR YANG TERLIBAT DALAM PPP

- i. Pengangkutan
- ii. Lebuhraya / jalan raya
- iii. Kereta api
- iv. Pelabuhan
- v. Lapangan terbang
- vi. Kuasa elektrik
- vii. Kesihatan
- viii. ICT
- ix. Penginapan
- x. Pelancongan

Sumber: Portal Rasmi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), 2018.

SYARAT PELAKSANAAN PROJEK PPP

KOS PROJEK

TEMPOH KONSESI

MODAL BERBAYAR
(semasa permohonan projek dikemukakan)

| | | | |
|--|-----------------|---|-------------------|
| PENSWASTAAN | 25 juta | Sekurangnyanya 7 tahun | RM 275,000 |
| INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI) | 100 juta | 15 – 25 tahun <small>(bergantung kepada modal perniagaan)</small> | RM 275,000 |

Sumber: Portal Rasmi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), 2018.

5.6 Mengenal Pasti Sumber Kewangan Baharu

Agensi pelaksana utama terutamanya PBT perlu mempunyai kestabilan kewangan di tahap yang baik untuk menjalankan perkhidmatan perbandaran dengan cemerlang kepada komuniti. Selain itu, kedudukan kewangan yang baik juga penting agar projek-projek yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang disasarkan.

Sehubungan itu, langkah-langkah penambahbaikan kepada sumber pendapatan serta sumber-sumber kewangan baharu perlu dikenal pasti agar kedudukan kewangan dapat ditingkatkan. Selaras dengan perkembangan dan kecanggihan teknologi masa kini, berikut antara cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk mengukuhkan hasil dan pendapatan agensi pelaksana.

Jadual 3: Cadangan Bagi Meningkatkan Hasil Pendapatan MPAG

| Bil. | Cadangan | Huraian |
|------|---|--|
| 1 | Pendigitalan perkhidmatan dan kaedah bayaran secara pintar bagi cukai tanah, cukai pintu, pembaharuan lesen perniagaan dan sebagainya | Melalui perkhidmatan dan pembayaran secara digital / pintar, pengguna boleh melakukan transaksi pada bila-bila masa tanpa perlu bersesak di kaunter. Ia akan memudahkan kerja dan menjimatkan masa serta tenaga. Dengan cara ini juga dapat mengurangkan risiko penularan wabak Covid-19 yang melanda negara dan dunia pada ketika ini. |
| 2 | Menghubungkan maklumat percukaian hartanah individu dan syarikat dengan sistem auto-pembayaran melalui kad kredit atau kad debit | Isu tunggakan kutipan cukai sering dihadapi di mana-mana PBT. Kutipan ini sememangnya adalah amat penting terutama bagi mengekalkan perkhidmatan perbandaran yang baik dan juga kerja-kerja penyelenggaraan. Justeru, kaedah auto-pembayaran melalui kad debit atau kad kredit sesuai diguna pakai seperti mana digunakan oleh institusi perbankan bagi kutipan balik bayaran pinjaman secara ansuran. Insentif menarik seperti rebat dan potongan bayaran boleh ditawarkan kepada pembayar yang bersetuju dengan kaedah auto-pembayaran. Secara tidak langsung, kaedah ini dapat meningkatkan peratusan kutipan cukai sekaligus mengurangkan tunggakan bayaran cukai. Tindakan yang lebih tegas perlu dikenakan kepada pemilik cukai tertunggak seperti menyita harta melalui notis amaran dan notis bayaran. Penilaian semula ke atas kesemua pegangan di dalam kawasan pentadbiran MPAG juga boleh dilakukan bagi menguatkuasakan kadar nilai baharu. |
| 3 | Skim bayaran cukai taksiran secara ansuran | Sistem pembayaran cukai taksiran secara ansuran setiap bulan (menggunkan aplikasi pintar) dapat mengelakkan berlakunya tunggakan kutipan cukai. Sistem ini juga membantu menguruskan kewangan pembayar dan mengurangkan rasa terbeban berbanding dengan sistem sedia ada (kutipan 2 kali setahun). |
| 4 | Meningkatkan perkhidmatan yang mendatangkan pendapatan kepada PBT | PBT juga boleh menjana pendapatan melalui sewaan fasiliti dan kemudahan yang disediakan. Fasiliti yang kerap mendapat tempahan sewaan perlulah ditingkatkan. Antara yang strategik ialah dengan mengguna pakai papan iklan elektronik / <i>smart banting</i> atau <i>LED electronic banner</i> bagi menyiarkan iklan-iklan oleh syarikat-syarikat. Banyak iklan yang dapat ditayangkan secara <i>'looping'</i> di skrin tanpa perlu pemasangan secara manual serta boleh dikawal dari bilik kawalan. Ini dapat menjana pendapatan yang lebih kepada PBT berbanding menggunakan papan iklan statik yang perlu dipasang dan dibuka setelah tempoh sewaan tamat terutama di lokasi strategik seperti di pusat bandar, jalan utama dan kawasan tumpuan ramai. |
| 5 | Memanfaatkan kelebihan media massa bagi mengiklankan daerah Alor Gajah dan produk menarik | Selaras dengan peredaran masa serta perkembangan teknologi, tidak dinafikan masyarakat pada masa kini sangat dekat dengan media massa seperti televisyen, radio, internet dan sebagainya. Justeru, MPAG perlu mengorak langkah mengikuti trend semasa dalam 'memasarkan' keunikan yang ada di daerah Alor Gajah. Antaranya adalah seperti menjalankan usahasama dengan pihak-pihak media dan <i>'content creator'</i> di media sosial bagi menghasilkan bahan tayangan promosi produk pelancongan yang ada dengan cara persembahan yang menarik bagi mencipta fenomena <i>'viral'</i> seterusnya menarik kedatangan pelancong ke daerah ini. Dengan cara ini, ia dapat membantu menambah baik ekonomi setempat dan turut mengukuhkan pendapatan MPAG melalui sumbangan aktiviti pelancongan. |

Jadual 3: Cadangan Bagi Meningkatkan Hasil Pendapatan MPAG (sambungan)

| Bil. | Cadangan | Huraian |
|------|---|---|
| 6 | Pembangunan semula / penggunaan semula kawasan yang usang dengan konsep menarik | Daerah Alor Gajah mempunyai banyak aset yang boleh dimanfaatkan melalui pembangunan semula dengan konsep-konsep yang menarik. Ini dengan mentransformasikan kawasan yang tidak ekonomik, usang, terbiar dan suram ke arah bandar atau bangunan yang lebih menarik untuk tarikan pelancong. Lorong-lorong belakang bangunan boleh dihiasi dengan mural dan elemen seni seperti yang banyak dilakukan oleh PBT lain. Bangunan-bangunan usang dengan reka bentuk asas yang tersendiri boleh ditukar guna dan dibangunkan dengan kegunaan yang menarik seperti muzium, galeri, kafe hipster, restoran dan lain-lain. Kawasan lapang / kawasan terbuka juga boleh dijadikan ruang sewaan / dwifungsi untuk gerai sementara, <i>food truck</i> , <i>car boot sale</i> dan lain-lain acara ekonomi yang bersifat sementara (tanpa melibatkan perubahan fizikal kepada kawasan asal). Ini secara langsung akan memberi manfaat kepada penduduk untuk menjana pendapatan alternatif / sampingan. |
| 7 | Pemutihan industri tanpa kebenaran | MPAG perlu melaksanakan program pemutihan industri tanpa kebenaran melalui pengezonan kawasan tersebut sebagai industri. Industri ini mestilah mendapatkan lesen/permohonan tukar syarat (sekiranya berkaitan) untuk meningkatkan hasil kutipan bayaran. |
| 8 | Keperluan untuk memiliki aset tetap/pembangunan hartanah | MPAG perlu memiliki aset tetap seperti tanah yang boleh dibangunkan dengan cadangan pembangunan yang melibatkan projek pembangunan dan mampu memberi pulangan kepada PBT. |
| 9 | Menubuhkan perbadanan | Merujuk kepada Seksyen 41, Akta 172 di mana Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) boleh menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan memegang tanggungjawab dan pengurusan projek untuk memajukan sesuatu kawasan pemajuan. Cadangan ini dapat membantu PBT mempertingkatkan kemampuan dan meningkatkan hasil pendapatan. |
| 10 | Peningkatan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan daerah Alor Gajah | MPAG perlu mewujudkan usaha sama dengan pihak swasta dalam membangunkan tanah dengan mengenal pasti tanah/ projek pembangunan yang berpotensi dilaksanakan secara penswastaan. MPAG juga perlu memudahkan dan mempercepatkan proses kelulusan perancangan agar lebih efisien. Insentif juga boleh diberikan kepada pihak swasta untuk menyumbang kepada pembangunan kemudahan bandar. Harta dan kemudahan yang dimiliki oleh PBT boleh dipajakkan kepada sektor swasta bagi tempoh tertentu atau disewakan dengan mengenakan bayaran. |
| 11 | Pungutan hasil bukan cukai | Pelruasan kawasan pentadbiran MPAG, kutipan bayaran tempat letak kereta, tandas awam dan lain-lain perkhidmatan yang bersesuaian. |
| 12 | Peruntukan kewangan dari kerajaan | Usaha bagi mendapatkan kuota peruntukan kewangan yang lebih tinggi dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu dipertingkatkan bagi menampung keperluan luar jangka. |

Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

5.7 Menggunakan Sepenuhnya Peruntukan Mengenai Caj Pemajuan (*Development Charge*) Sebagai Sumber Pendapatan Kepada PBT

Berdasarkan subseksyen 32(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), “Jika sesuatu rancangan tempatan atau sesuatu perubahan rancangan tempatan mengakibatkan suatu perubahan penggunaan, ketumpatan atau luas lantai berkenaan dengan mana-mana tanah sehingga menaikkan nilai tanah itu, suatu caj pemajuan hendaklah dilevi berkenaan dengan mana-mana pemajuan tanah yang dimulakan, diusahakan, atau dijalankan mengikut perubahan itu.”

Caj pemajuan merupakan satu bentuk kutipan wang berkaitan pemajuan yang diperuntukkan di bawah seksyen 32 Akta 172. Caj pemajuan dikenakan sekiranya terdapat RT atau perubahan kepada RT yang menyebabkan kenaikan nilai tanah. Menurut subseksyen 33(2) Akta 172, amaun caj pemajuan yang ditentukan oleh PBPT adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

Tiga jenis perubahan yang boleh dikenakan caj pemajuan adalah:



Perubahan guna tanah



Perubahan ketumpatan (densiti)



Perubahan luas lantai

PBPT yang menentukan sama ada caj pemajuan boleh dikenakan dan amaunnya melalui subseksyen 33(1) akta 172; dan caj pemajuan perlu dibayar oleh mana-mana orang yang mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang di bawah peruntukan bahagian IV akta 172.

Penggunaan Wang Kutipan Caj Pemajuan



Disalurkan semula dalam bentuk aktiviti pembangunan awam termasuk penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam yang memberi faedah kepada masyarakat dalam kawasan PBT.



Sebagai tabung persediaan PBT untuk membiayai kos notis pembelian sebagaimana diperuntukkan mengikut seksyen 37 Akta 172.



Pelaksanaan kajian-kajian berkaitan perancangan pembangunan dan garis panduan kegunaan PBT.

Caj Pemajuan di negeri Melaka dikenakan akibat daripada perubahan Rancangan Tempatan (RT) sesuatu kawasan PBT seperti berlaku perubahan penggunaan tanah, peningkatan densiti / pertambahan luas lantai / nisbah plot. Ini berbeza dengan negeri-negeri lain yang mengenakan caj dengan adanya Rancangan Tempatan.

Caj Pemajuan perlu dibayar sebelum PBPT memberi kelulusan Kebenaran Merancang dan bayaran ini perlu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan menurut Subseksyen 34(4) dan dikendalikan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 40 Akta 171. Kadar dan kaedah caj yang dikenakan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri.

5.8 Menguatkuasakan Undang-undang dan Peruntukan Sedia Ada

